
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

HST 504– SEJARAH ASIA TENGGARA ABAD KE-20

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian A, B dan C.

- 2 -

Bahagian A

1. Dengan merujuk kepada Pulau Jawa atau Tanah Melayu, bincangkan dasar Jepun terhadap agama Islam. Sejauh manakah elit agama digunakan untuk tujuan propaganda?

[100 markah]

2. "Penduduk Asia Tenggara melihat kemerdekaan itu menjanjikan transformasi daripada pelbagai aspek. Namun bagi negara-negara Asia Tenggara yang baru merdeka harapan terhadap kemajuan dan perubahan seringkali tidak tercapai." Nilaikan pernyataan ini.

[100 markah]

Bahagian B

3. "Iklim dan pemakanan telah membuat orang Asia Timur mempunyai kelebihan budaya berbanding orang Asia Tenggara dalam menangani pembangunan ekonomi moden." (Lee Kuan Yew, 1968). Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut dalam menganalisis senario pembinggiran ekonomi berdasarkan kumpulan etnik di Asia Tenggara pada kurun ke-20?

[100 markah]

4. "Pada hari ini, bebanan kepada Asia Tenggara adalah kesan daripada sistem politik Komunis Russia dan China. Dalam keadaan apa sekalipun kesan bebanan itu merupakan satu ancaman besar terhadap keseluruhan komuniti bebas. Amerika Syarikat melihat bahawa kemungkinan ancaman itu tidak boleh dipandang pasif sebaliknya perlu dihadapi dengan penyatuan aksi bersama." (John Foster Dulles, Setiausaha Negara Amerika, Mac 1954). Dengan merujuk kepada petikan tersebut, analisiskan elemen-elemen penting yang telah mempengaruhi evolusi dan perubahan dasar luar Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet di Asia Tenggara pada kurun ke-20.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian C

5. Bincangkan sebab-sebab kemelesetan ekonomi dunia yang melanda Asia Tenggara pada 1929-1935 dan dengan menggunakan mana-mana teori yang anda tahu, buat analisis berkenaan kemelesetan ekonomi tersebut dan kesannya kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.

[100 markah]

6. "Pergolakan di wilayah Selatan Filipina dan Selatan Thailand telah lama berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian muktamad." Bersandarkan kepada fakta-fakta sejarah mengenai kedua-dua wilayah tersebut, bincangkan bagaimanakah masalah tersebut dapat diselesaikan?

[100 markah]

- oooOooo -